

# BERITA RTM

## GIACC sifatkan kerugian FELDA umpama rompakan terang-terangan

- April 11, 2019
- Published in Nasional



**KUALA LUMPUR** - Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah Nasional (GIACC) menyifatkan kerugian yang dialami FELDA umpama rompakan terang-terangan yang dibiarkan berlaku sebelum ini.

Bagi Ketua Pengarahnya, Tan Sri Abu Kassim Mohamed, situasi yang memberi kesan langsung kepada peneroka FELDA itu amat menyedihkan.

GIACC berpendirian, kerajaan sememangnya wajar mengambil tindakan undang-undang ke atas pihak yang terlibat dengan salah laku hingga mengakibatkan kerugian.

Beliau mengulas intipati pembentangan kertas putih FELDA selepas menjadi panel bagi program 'Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Leaders Talk Series'.

Antara langkah penambahbaikan tadbir urus FELDA yang disenaraikan Datuk Seri Azmin meliputi usaha meningkatkan akauntabiliti, integriti dan profesionalisme FELDA, anak-anak syarikat dan sekutunya, termasuk FGV dan FIC.

<https://berita.rtm.gov.my/index.php/nasional/12440-giacc-sifatkan-kerugian-felda-umpama-rompakan-terang-terangan>